

# Kuasa ekonomi beralih ke Timur

**KUALA LUMPUR** 23 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya kekuatan perdagangan dan ekonomi dunia akan 'beralih ke Timur' dengan empat negara Asia menjadi kuasa ekonomi utama di masa depan.

Bekas Perdana Menteri berkata, negara-negara itu ialah China, Jepun, India dan Korea yang akan bangkit sebagai kuasa besar ekonomi.

Katanya, negara Barat, khususnya Amerika Syarikat (AS), tidak lagi mampu menerajui ekonomi dunia,

**Amerika Syarikat tidak lagi mampu menerajui ekonomi dunia, diketepikan oleh kemunculan China**

diketepikan oleh kemunculan China sebagai sebuah ekonomi yang besar.

"Malaysia diharap ketika itu dapat turut serta dalam kumpulan tersebut.

"Namun tidak semestinya kalau kita berjaya negara menjadi sangat kaya, memadailah kaya secara mu-

nasabah," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Siri Syarahan Maju anjuran Maju Holdings Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Menjawab soalan peserta pada majlis itu, Dr. Mahathir berkata,

**DR. MAHATHIR MOHAMAD**

Malaysia perlu memiliki kepakaran dalam bidang-bidang yang khusus.

"Kita perlu terus membangunkan kemahiran tertentu. Ia tidak semestinya berasaskan intelektual semata-mata tetapi boleh juga dalam lain-lain bidang.

"Bagaimanapun apa yang paling penting ialah kesungguhan untuk menimba ilmu secara gigih dan berterusan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan boleh menggalakkan pertumbuhan dalam bidang pertanian, khususnya bercorak bioteknologi tetapi tidak

boleh terlalu bergantung kepadanya.

Mengenai hala tuju Malaysia sekarang dalam membangunkan teknologi, beliau berkata, bidang berasaskan pengetahuan adalah luas dan tiada siapa boleh mendakwa ia memonopoli bidang tertentu.

"Menerusi Koridor Raya Multimedia (MSC), kita bukan sekadar mempromosikan negara tetapi juga menggalakkan pembelajaran berterusan dan menimba ilmu.

"Tanpa keupayaan sedemikian, kita tidak akan mampu untuk merebut peluang yang ada," kata beliau.



**DR. MAHATHIR MOHAMAD**

DR. MAHATHIR MOHAMAD  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA